



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI, MALAYSIA
MINISTRY OF INTERNATIONAL TRADE AND INDUSTRY, MALAYSIA

BLOK 10, KOMPLEKS PEJABAT KERAJAAN JALAN DUTA, 50622 KUALA LUMPUR
Telefon : (603) - 6203 3022 Faks : (603) - 6201 2337, 6203 1303
Laman Web : <http://www.miti.gov.my>



11 September 2009

Rujukan : MITI:ID/SKP/726-5/1(43)
Reference :
Tarikh :
Date : 31 Julai 2012

Presiden

The Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia (ACCCIM)

**6th Floor, Wisma Chinese Chamber,
258, Jalan Ampang,
50450 Kuala Lumpur.**

**u.p. : En. Kenneth Tiong
Tel : 03-4260 3090 / 3091
Faks : 03-4260 3080**

Tuan/Puan,

PELAKSANAAN e-PCO MULAI 1 JANUARI 2013

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara mengenai Sistem Atas Talian (e-PCO) bagi Permohonan Analisis Kos (CA) dan Sijil Tempas Berkeutamaan (COO).

2. Adalah dimaklumkan bahawa, Kementerian ini akan menggunakan sepenuhnya sistem e-PCO bagi semua permohonan CA dan COO mulai 1 Januari 2013. Selain itu, pihak DagangNet telah memaklumkan bahawa pihaknya telah bersedia untuk melaksanakan sistem tersebut sepenuhnya mulai tahun hadapan.

3. Tujuan utama sistem ini digunapakai sepenuhnya adalah bagi memudahkan dan mempercepatkan proses permohonan CA dan COO yang dipohon oleh pihak industri. Selain itu, penggunaan sepenuhnya sistem ini juga akan membantu MITI untuk memproses permohonan dan mengurangkan permohonan secara manual yang selama ini banyak menggunakan kertas sepanjang proses kelulusan CA dan COO.

4. Pihak Kementerian berharap agar penggunaan sepenuhnya Sistem e-PCO ini akan melancarkan lagi proses permohonan sama ada di MITI Cawangan mahupun MITI HQ sendiri. Mohon kerjasama tuan/puan untuk memaklumkan perkara ini kepada ahli-ahli di bawah naungan pihak tuan mengenai penggunaan sepenuhnya Sistem e-PCO mulai 1 Januari 2013.

5. Pelaksanaan e-PCO sepenuhnya untuk permohonan Analisis Kos (CA) dan Sijil Tempasal Berkeutamaan (COO) bagi mengekspor atau mengekspor semula barangan akan melibatkan skim-skim berikut:

- i. Sistem Berkeutamaan Am (GSP)
- ii. Perjanjian Perdagangan Bebas Barangan ASEAN (ATIGA)
- iii. Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA)
- iv. Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Korea (AKFTA)
- v. Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-India (AIFTA)
- vi. Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-Australia-New Zealand (AANZFTA)
- vii. Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-New Zealand (MNZFTA)
- viii. Perkongsian Ekonomi Komprehensif ASEAN-Jepun (AJCEP)
- ix. Perjanjian Perkongsian Ekonomi Malaysia-Jepun (MJEPA)
- x. Perjanjian Perkongsian Ekonomi Malaysia-Pakistan (MPCEPA)

6. Permohonan secara manual hanya dibenarkan dalam keadaan berikut:-

- i. Sistem Atas Talian (e-PCO) tergendala lebih 4 jam pada hari berkenaan; atau
- ii. bekalan elektrik terputus sepenuhnya pada hari tersebut.
(Pengesahan daripada pengendali perkhidmatan akan diperolehi.)


7. Bersama ini dilampirkan sesalinan notis daripada pihak DagangNet berkenaan promosi yang sedang dijalankan oleh pihak DagangNet. Sila layari laman sesawang epco.dagangnet.com untuk maklumat lanjut berkenaan sistem e-PCO. Sekiranya pihak tuan mempunyai sebarang pertanyaan berkenaan dengan Sistem e-PCO ini sila hubungi DagangNet Careline : 1300 133 133 atau emel : careline@dagangnet.com.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”

Saya yang menurut perintah,



(KAMARIAH YEOP ABDULLAH)

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri



Our ref : GOV/MITI/01/NSW-IRA/ePCO
Date : 30 April 2012

Ministry of International Trade & Industry
Trade Cooperation and Industry Coordination Section
12th Floor, Block 10, Government Offices Complex,
Jalan Duta, 50622 Kuala Lumpur

Attention : Pn Kamariah Yeop Abdullah
Senior Director
Trade Cooperation and Industry Coordination Section

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Puan", written over a horizontal line.

Electronic Preferential Certificate of Origin (ePCO) Promotion

Above subject is referred.

As part of our continuous effort to support government's initiatives on promoting the use of Online services, we are pleased to inform that ePCO system will have a promotion campaign running from **1 May 2012 until 31 October 2012**. During this period, new ePCO customers will enjoy **FREE** registration as compared to the normal days registration fee is RM 500.00 for corporate customers and RM 200.00 for SME.

We would appreciate your assistance to announce this promotion campaign throughout MITI's regional office nationwide as we hope this would give benefits to the exporters and trade industry as a whole.

Your kind attention and support is highly appreciated.

Thank you.

Yours faithfully,
DAGANG NET TECHNOLOGIES SDN BHD

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Zahari", written over a horizontal line.

ZAHARI AZAR ZAINUDIN
Director, NSW Division